

Kertas Bil. 11/2022

**LAPORAN JAWATANKUASA
PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

***“ Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor”***

JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS

LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP DEWAN NEGERI SELANGOR

1. Mengikut Peraturan 69 (3), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbang dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan penyata kepada Dewan berkenaan dengan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan oleh Dewan kepadanya bagi dibentangkan.
2. Pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2021 yang lalu, pihak Kerajaan telah membawa suatu Usul di bawah Peraturan Tetap 26 dan Peraturan Tetap 69(4) yang berbunyi:

“Pertama, Mesyuarat Dewan Negeri Selangor boleh diadakan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian atas permohonan Menteri Besar atas alasan darurat, pandemik atau kecemasan luar jangka yang sangat memudaratkan di mana kehadiran sendiri tidak harus diadakan;

“Kedua, Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Negeri boleh diadakan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian setelah Speaker menerima pengesahan daripada Menteri Besar bahawa Negeri Selangor sedang berada dalam keadaan darurat, pandemik atau kecemasan luar jangka yang sangat memudaratkan di mana kehadiran sendiri tidak harus diadakan”.
3. Usul tersebut telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 30 Ogos 2021 dan Dewan telah menyerahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap untuk penyediaan suatu Draf Cadangan berhubung perkara-perkara yang hendak dipinda tersebut bagi penelitian Dewan untuk disokong.
4. Pada Mesyuarat Kedua (Bajet) Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2021 yang lalu telah dibawakan usul yang mengandungi cadangan-cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor menerusi Kertas Mesyuarat Bil. 33 Tahun 2021.
5. Usul No. 4 Tahun 2021 menerusi Kertas Mesyuarat Bil. 33 Tahun 2021 telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 9 Disember 2021. Sehubungan itu, Dewan telah menyerahkan perkara-perkara yang hendak dipinda dalam Kertas Mesyuarat Bil. 33 Tahun 2021 kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap untuk diperhalusi sebelum

dipertimbangkan bagi diluluskan pindaan tersebut oleh Dewan pada mesyuarat yang seterusnya.

6. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor selaras dengan amanah yang diberikan oleh Dewan telah mengadakan mesyuarat bagi mengkaji dan meneliti kesemua cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor seperti yang diserahkan kepadanya pada 9 Disember 2021 yang lalu.
7. Mesyuarat Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap yang diadakan pada 11 Januari 2022, 14 Februari 2022 dan 24 Februari 2022 telah memuktamadkan Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor bagi meminda Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.
8. Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti di **Lampiran A** dan syor serta ulasan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mengenai pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor 1959 adalah seperti di **Lampiran B**.
9. Penelitian Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mendapati pindaan dan tambahan yang dicadangkan melibatkan Peraturan-peraturan berikut ;
 - a) Peraturan 10 (4)
 - b) Peraturan 73 (15)
 - c) Peraturan 66 (1)
 - d) Peraturan 83
 - e) Peraturan 86
10. Mengikut Peraturan 69(3) dan 69(4), Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap mengesyorkan cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor ini diluluskan mengikut ulasan dan syor Jawatankuasa seperti di **Lampiran B**.
11. Dengan ini, Laporan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dibentangkan kepada Dewan dan dipertimbangkan syor sepertimana yang terdapat di dalam cadangan untuk diterima pakai.

.....
(NG SUEE LIM)

Pengerusi
Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor

Tarikh: 24/2/2022

LAMPIRAN A

AHLI-AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP

- | | |
|----------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Ng Suee Lim
(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Gunarajah a/l R George
(ADN Kawasan Sentosa) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman
(ADN Kawasan Sabak) | Ahli |
| 5. Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham
(ADN Kawasan Gombak Setia) | Ahli |
| 7. Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |

PINDAAN PERATURAN TETAP
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR 1965

BIL.	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN PERATURAN TETAP (SYOR JAWATANKUASA)	ULASAN JAWATANKUASA
1.	Istiadat pembukaan penggal majlis dan mesyuarat	<p>Tambahan PT 10 (4)</p> <p><u>(4) Jika dalam masa darurat, pandemik atau kecemasan luar jangka yang sangat memudaratkan dimana kehadiran sendiri tidak harus diadakan, Menteri Besar mengemukakan pengesahan kepada Speaker iaitu berkehendakkan Mesyuarat Dewan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian sama ada pada hari yang telah ditetapkan oleh Dewan atau diadakan lebih awal daripada masa yang Dewan telah ditangguhkan, Speaker hendaklah memberitahu dengan sertamerta perkara itu dan Dewan hendaklah bermesyuarat pada masa yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu. Urusan perkara mesyuarat pada hari itu hendaklah ditetapkan oleh Menteri Besar dan pemberitahu mengenainya hendaklah dipekelilingkan tidak lewat dari masa mesyuarat itu.</u></p>	<p>Tambahan Peraturan 10 (4) diwujudkan sebagai punca kuasa bagi membolehkan prosedur pelaksanaan sidang Dewan Negeri secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian (hibrid).</p> <p>Jawatankuasa menyarankan agar Speaker memasyhurkan petua speaker berkenaan tafsiran “Dewan” dan pemakaian Prosedur Persidangan Dewan Negeri Selangor Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separata Atas Talian sepanjang sidang berlangsung sebelum mesyuarat Dewan dimulakan. Ini selaras dengan peruntukan Peraturan 87 mengenai Petua Speaker.</p> <p>Jawatankuasa menyarankan juga Peraturan 10 (4) hanya digunakan sebagai pilihan terakhir setelah meneliti</p>

PINDAAN PERATURAN TETAP
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR 1965

	<p>keperluan mendesak berkaitan keselamatan, ekonomi dan ketenteraman awam yang tidak dapat dikawal melalui sistem pentadbiran biasa, tertakluk kepada kelulusan pindaan yang akan dibuat terhadap Peraturan 86 tafsiran "Persidangan".</p> <p>Bagi maksud Peraturan 10 (4), Speaker bolehlah dari semasa ke semasa menetapkan Prosedur Persidangan Dewan Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separa Atas Talian mengikut kesesuaian keadaan semasa melalui Perintah Speaker selaras dengan Peraturan 88.</p> <p>Jawatankuasa mencadangkan agar Prosedur Persidangan Dewan Dan Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Secara Atas Talian Secara Keseluruhannya Atau Secara Separa Atas Talian hanya diterbitkan menerusi Perintah Speaker setelah proses pewartaan mengenai pindaan Peraturan 10 (4) selesai sepenuhnya.</p>
--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

PINDAAN PERATURAN TETAP
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR 1965

2.	Aturan dalam Jawatankuasa Pilihan	<p>Tambahan PT 73 (15)</p> <p><u>(15) Jika dalam masa darurat, pandemik atau kecemasan luar jangka yang sangat memudaratkan dimana kehadiran sendiri tidak harus diadakan, mesyuarat Jawatankuasa Pilihan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian adalah tertakluk kepada kebenaran Speaker dengan prosedur yang ditetapkan.</u></p>	<p>Mesyuarat Pilihan/Pilihan Khas hanya boleh dilaksanakan dengan kebenaran Speaker dan merupakan pilihan terakhir setelah meneliti keperluan mendesak berkaitan keselamatan, ekonomi dan ketenteraman awam yang tidak dapat dikawal melalui sistem pentadbiran biasa. Ianya juga hendaklah tidak bersalahan dengan peraturan dan/atau undang-undang yang dikuatkuasakan ketika itu.</p>
3.	Jawatankuasa Perbekalan	<p>Peraturan 66 (1)</p> <p>Pada tiap-tiap tahun hendaklah dibawa dalam Dewan suatu Rang Undang-Undang Perbekalan yang mengandungi anggaran belanja bagi semua kepala perbelanjaan yang dikehendaki dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan menurut Perkara LXXXVI dalam Perlembagaan, bagi sesuatu tahun itu. Butir perbelanjaan itu hendaklah dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan yang tersebut dalam Peraturan Tetap <u>63 65</u>.</p>	<p>Jawatankuasa menyarankan agar pindaan dibuat kerana Anggaran Perbelanjaan diperuntukkan di peraturan 65.</p>

**PINDAAN PERATURAN TETAP
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR 1965**

4.	Ayat mengundang-undang RANG Undang-Undang	<p>Peraturan 83</p> <p>Ayat mengundang-undangan semua Undang-Undang hendaklah seperti yang berikut:</p> <p>“Diperbuat Undang-Undang ini oleh <u>Dewan Negeri Selangor Badan Perundangan Negeri Selangor</u>” .</p>	Perlu diselaraskan mengikut Perkara LXXXI Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.
5.	Tafsiran	<p>Peraturan 86</p> <p>86. Dalam Peraturan-peraturan Tetap ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-</p> <p>“Persidangan” ertinya tempoh <u>dan masa</u> dijalankan mesyuarat Dewan <u>secara fizikal atau di mana-mana tempat tertentu yang ditetapkan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian</u> dengan tidak berhenti-henti termasuklah masa mesyuarat ditempohkan, dan termasuklah tempoh Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa;</p>	Persidangan hendaklah merangkumi suatu tempat yang ditetapkan dan dibenarkan oleh Speaker bagi ahli Dewan mengikuti persidangan secara atas talian secara keseluruhan atau secara atas talian secara separa untuk menjalankan peranan dan fungsinya sebagai ahli Dewan sepanjang persidangan Dewan.

PINDAAN PERATURAN TETAP
BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR 1965

		<p>Tambahan tafsiran “kecemasan luar jangka”</p> <p><u>“Kecemasan luar jangka” ertinya berlaku sesuatu perkara yang tidak disangka-sangka, tidak diingini, kekuatiran, bencana atau situasi kucar-kacir di luar kawalan yang memerlukan tindakan segera;</u></p>	<p>Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan daripada Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri supaya mentafsirkan “kecemasan luar jangka” bagi mengelakkan kekeliruan dan tafsiran yang berbeza-beza.</p>
6.	<p>JADUAL [Peraturan Tetap 73(14)] Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan</p>	<p>Subperenggan 5</p> <p>(1) Melainkan diputuskan sebaliknya oleh Dewan, Jawatankuasa yang diluluskan di dalam Persidangan Dewan berkuasa untuk memanggil pendengaran terbuka, sama ada untuk keseluruhan atau sebahagian daripada perjalanannya, untuk mengumpul keterangan mengenai perkara yang disiasat oleh Jawatankuasa menurut perenggan 4.</p>	<p>Pindaan peraturan ini adalah bertujuan mengelakkan kekeliruan yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Pilihan/Pilihan Khas lain.</p>